

INKUES KEMATIAN ADIB

Penantian keluarga terjawab

SHAH ALAM - "Ini yang keluarga tunggukan," kata abang sulung anggota Bomba dan Penyelamat (JPBM) Subang Jaya, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Mohd Asraf Mohd Kassim, 31, berkata, kedua ibu bapa dan keluarganya memang tertunggu-tunggu keputusan

Mahkamah Koroner.

Dia yang bekerja sendiri menjelaskan keluarga dari Kedah akan bertolak ke Kuala Lumpur untuk perbincangan lanjut.

Mohd Asraf yang ditemani peguam, Syazlin Mansor kelihatan tenang ketika ditemui di luar mahkamah.



Mohd Asraf Mohd Kassim (tengah), abang kepada Allahyarham Muhammad Adib ditemui pemberita selepas keputusan inkues di Mahkamah Koroner Shah Alam semalam.

'Saya bersyukur dengan keputusan ini'

SHAH ALAM - "Alhamdulillah saya bersyukur sangat dengan keputusan ini," kata tunang Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, Nurul Najihah Mohd Radzi, 25.

Nurul Najihah mengucapkan syukur selepas keputusan inkues kematian anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Balai Subang Jaya, Muhammad Adib yang dibaca semalam.

Nurul Najihah keluar dari mahkamah dalam keadaan menangis sambil dipimpin oleh seorang wanita.

Sebelum itu, dia yang tiba di Kompleks Mahkamah Shah Alam pada jam 8.45 pagi dan semalam merupakan kali pertama dia hadir di Mahkamah Koroner bagi perbicaraan inkues kematian tunangnya.

Sementara itu, Peguam Syazlin Mansor menyambut keputusan inkues dengan air mata.

Dia kelihatan tidak mampu menahan rasa sebak cuba menyeka air mata daripada terus mengalir. Selepas prosiding



Nurul Najihah (kanan) dilihat dilindungi oleh seorang wanita apabila keluar daripada Mahkamah Koroner Shah Alam semalam.



SYAZLIN

selesai, beberapa peguam keluarga turut menenangkan.

Ketika ditemui, Syazlin berkata, pasukan peguam keluarga berpuas hati terhadap keputusan itu.

"Terima kasih kepada Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr

Shahrom Abd Wahid (saksi ke-29) dan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM, Dr Amir Radzi Ab Ghani (saksi ke-30) kerana sanggup menyumbang kepakaran secara pro bono dan memberi keterangan benar di mahkamah," katanya yang turut berterima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang mendoakan keadilan buat Allahyarham Muhammad Adib.

"Terima kasih kerana mendoakan keadilan dapat ditegakkan," katanya.

Doa keluarga Adib termakbul

**Tuntut individu
sebabkan
kematian Adib
ditahan dengan
segera**

KUALA KEDAH

Keluarga anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Balai Subang Jaya, Muhammad Adib Mohd Kassim menyifatkan doa mereka termakbul apabila kematiannya disebabkan perbuatan jenayah dan bukannya akibat dilanggar.

Ibu Allahyarham, Asma Aziz, 52, berkata, dia bersyukur apabila doanya tanpa putus selama ini supaya kematian Muhammad Adib mendapat keadilan sewajarnya.

Menurutnya, dia mendapat khabar gembira terbit daripada ahli keluarga mereka yang berada di Mahkamah Koroner bagi mengikut keputusan inkues.

"Sebaik menerima berita keputusan inkues itu, makcik dan suami menangis. Perasaan kami bercampur baur antara sedih, gembira, terharu dan pelbagai.

"Sebab walaupun kematian arwah Muhammad Adib terbelat dan mendapat keadilan namun ia tidak mampu mengembalikan anak kami," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tebengau di sini semalam.

Menurutnya, kini mereka sekeluarga menuntut supaya individu yang mengakibatkan kematian Muhammad Adib dihidupkan pula ke muka peng-



Asma (kiri) dan Mohd Kassim (dua dari kiri) melayan kunjungan pemberita ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tebengau, Kuala Kedah di sini semalam.

adilan secepat mungkin.

"Kami harap individu terlibat ditangkap. Dari segi hukuman, kami diserahkan

kepada undang-undang," katanya.

Katanya lagi, dia ingin mendengar sendiri keputusan inkues tetapi memilih untuk tidak pergi kerana 'takut'.

Bagaimanapun Asma

berkata, dia dan suami menaiki tren dari Alor Setar ke Rawang selepas solat Jumaat semalam untuk bertemu keluarga di Kuala Lumpur.

Bapanya, Mohd Kassim berkata, walaupun berduka, dia turut melahirkan rasa kelegaan dan gembira dengan keputusan inkues tersebut.

Menurut Mohd Kassim, mereka sekeluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas sokongan selama ini dalam usaha menuntut pembelaan di atas kematian Muhammad Adib.

Menurutnya, dia menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dan mencari dalang penyebab kematian anak mereka.

**>> BERSAMBUNG
DI MUKA SURAT 8**